


Oleh Presiden
Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam
Presidensi Utama



Mencari yang Baik

Ketika mencari rumah baru, sepasang suami isteri Orang Suci Zaman Akhir yang muda berbincang dengan orang yang berpotensi menjadi jiran mereka tentang kejiranan itu dan sekolah-sekolah di kawasan itu.

Salah satu wanita yang berbincang dengan mereka mengatakan bahawa sekolah yang anak-anaknya sedang hadir: “tempat yang terunggul! Pengetua sekolah hebat dan seorang yang baik; guru-guru berkelulusan, baik hati, dan ramah-tamah. Saya begitu gembira bahawa anak-anak kami dapat menghadiri sekolah yang hebat ini. Anda akan menyayangnya!”

Seorang wanita yang lain mengatakan mengenai sekolah anak-anaknya: “Ia tempat yang teruk betul. Pengetua mementingkan diri; guru-guru tidak layak, biadab, dan tidak ramah. Sekiranya saya mampu berpindah keluar dari kawasan ini, saya akan pindah dalam sekelip mata!”

Hal yang menarik adalah bahawa kedua-dua wanita itu bercakap mengenai pengetua sekolah yang sama, guru-guru yang, dan sekolah yang sama.

Pernahkah anda perasan bahawa orang-orang dapat menemukan apa-apa sahaja yang mereka mencari? Jika menatap cukup lama anda akan menjumpai baik mahupun jahat dalam hampir semua orang dan segala hal. Orang telah melakukan yang sama dengan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir semenjak permulaannya. Mereka yang mencari yang baik akan menemukan sekumpulan orang yang baik hati dan berbelas kasihan – sekumpulan orang yang menyayangi Tuhan dan ingin melayani Dia dan memberkati kehidupan sesama mereka. Tetapi juga benar bahawa mereka yang mencari

yang buruk dengan pasti akan menemukan perkara yang kurang ideal.

Malangnya, ada masa apabila ini pun terjadi bahkan di dalam Gereja. Tidak ada kehabisan daya cipta, kepintaran, dan ketabahan mereka yang mencari sebab untuk mengkritik. Mereka kelihatannya tidak dapat melepaskan gengaman dendam mereka. Mereka mengumpat dan mencari salah dengan orang lain. Mereka menyimpan perasaan sakit hati mereka selama dekad-dekad, mengambil setiap kesempatan untuk menghinakan serta merendahkan maruah orang lain. Ini tidak memuaskan kepada Tuhan, “sebab di mana ada iri hati dan kekacauan, ada juga kekecilan dan setiap perbuatan jahat” (Yakobus 3:16).

Presiden George Q. Cannon (1827–1901) mengenali Presiden Brigham Young (1801–77) dengan baik, kerana bekerja rapat bersama dia selama tahun-tahun, dua-duanya sebagai ahli Kuorum Dua belas Rasul dan sebagai penasihatnya dalam Presidensi Utama. Setelah kewafatan Presiden Young, Presiden Cannon menulis di dalam buku hariannya: “Saya tidak pernah mengkritik atau mencari salah dengan kelakuan [Presiden Young], nasihatnya pengajarannya pada bila-bila masa di dalam hati saya, bahkan di dalam kata-kata atau tindakan saya. Ini adalah kenikmatan bagi saya sekarang. Fikiran yang selalunya bersama saya: Sekiranya saya mengkritik atau mencari salah dengan, atau menghukumkan Saudara Brigham, berapa jauh akan saya pergi? Jika saya mula, di manakah akan saya berhenti? Saya tidak berani memercayai diri di dalam jalan yang demikian. Saya tahu bahawa kemurtadan datang sebagai akibat menurutkan hati dalam semangat mengkritik dan mencari salah.

Orang yang lain, yang lebih kuat, bijak, dan berpengalaman daripada saya, mungkin melakukan banyak perkara dan melepaskan diri dari akibat jahat. Saya tidak berani melakukan perkara yang demikian.”¹

Nasihat Presiden Cannon yang berkuasa adalah sesuatu yang kita sebagai ahli Gereja harus pertimbangkan dengan teliti. Firman Tuhan menegurkan para pengikut Yesus untuk jadi, “suci, . . . pendamai, lemah lembut, senang dilayani, penuh belas kasihan, dan buah-buah yang baik, tanpa memihak, dan tanpa kemunafikan.” Bagi mereka yang menyebarkan kedamaian, “buah kesolehan disemai dalam kedamaian” (Yakobus 3:17, 18).

Kita ada pilihan. Kita dapat mencari yang salah di dalam orang lain. Atau kita dapat menyebarkan kedamaian dan bekerja untuk menawarkan kepada orang lain kefahaman, keadilan, dan pengampunan yang kita dengan begitu sungguh-sungguh ingin untuk diri kita. Ia pilihan kita; apa-apa yang kita cari, kita dengan pasti akan menemukan.

NOTA

1. George Q. Cannon, Buku Harian, Jan. 17, 1878; ejaan dimodankan.

MENGAJAR DARI PELAJARAN INI

“Anda mungkin akan fikir bahawa anda kurang faham suatu asas yang anda sedang bersiap untuk mengajar,” (*Mengajarkan, Tiada Panggil Lebih Penting* ([1999], 19)). “Walaupun bagaimanapun, ketika anda mengajinya secara penuh doa, dan berusaha menurutinya, dan bersedia mengajarkannya, lalu berkongsinya dengan orang lain, kesaksian anda akan diperkuatkan dan mendalam.”

Ketika anda mencari yang baik dalam kehidupan dan dalam orang lain semasa bulan ini, anda akan lebih bersedia mengajarkan pesanan ini dan bersaksi akan kebenarannya.

REMAJA

Segi Bagus dari Gigitan Anjing

Oleh Tara Stringham

Dalam musim panas 2009, saya digigit di muka saya oleh anjing kawan saya. Malangnya, gigitan itu memotong bibir saya, dan saya kena menerima jahitan.

Selepas kecederaan itu, saya sangat bersedih. Saya membiarkan kesusahan mengambil alih fikiran-fikiran saya, dan saya merasa seperti semua kehidupan saya telah dihancurkan. Saya malu akan bibir saya dan tidak mahu keluar di tempat awam, biar di mana pun. Dalam fikiran saya, rancangan saya untuk piano, bola tampar, gereja, renang, dan sekolah semua direnyukkan oleh kecederaan saya.

Tetapi bila-bila saya berdoa, menerima berkat kepaiderian, bercakap dengan ibu bapa, atau dilawati oleh keluarga dan kawan saya, semangat saya diangkat dan saya merasa kegembiraan pada waktu yang penuh kesedihan. Saya tidak lama menyedari bahawa jika orang-orang fikir akan kecederaan saya, mereka sedang merasa belas kasihan.

Pengalaman ini menolong saya membina diri saya, dan saya belajar supaya tidak begitu risau apa yang orang lain fikir akan saya. Saya juga diberkati kerana kecederaan saya menolong saya menyedari bahawa saya harus berfikir kurang akan diri saya dan mulai mengambil lebih berat akan orang lain. Jiwa saya diperkuatkan dengan amat sangat pada masa ini.

Saya belajar bahawa kesusahan adalah sebahagian dari rancangan Bapa di Syurga untuk kita. Jika kita mencari yang baik, bukan yang buruk, kita dapat mengatasi kesusahan, menjadi orang lebih baik, dan membiarkan pengalamannya memperkuatkan kesaksian kita.

KANAK-KANAK

Mencari yang Baik di Sekeliling Anda

Anda dapat melihat yang baik di segala tempat di sekeliling anda jika anda belajar mencarinya. Salah satu cara anda dapat mengenali berkat-berkat adalah menjadikannya kebiasaan setiap malam untuk menghitung perkara yang baik yang anda lihat hari itu.

Ambil masa hari ini untuk memberitahu seorang ahli keluarga anda beberapa perkara yang baik yang anda lihat dalam kehidupan anda sendiri hari ini.



Di bawah Kepaderian dan menurut Pola Kepaderian

Pelajarilah pesanan ini dan, sebagaimana sesuai, berbicara mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan suatu bahagian yang giat dalam kehidupan anda.

Saudari-saudari yang kukasihi, betapa kita telah diberkati! Bukan sahaja kita ahli Gereja, kita juga ahli Lembaga Pertolongan—“pertubuhan Tuhan bagi wanita.”¹ Lembaga Pertolongan adalah bukti kasih Tuhan untuk anak-anak perempuan-Nya.

Tidakkah hati anda berdebar ketika anda mengingat permulaan pertubuhan ini yang mengujakan? Pada Mac 17, 1842, Nabi Joseph Smith menubuhkan para saudari “di bawah kepaderian menurut pola kepaderian.”²

Kerana ditubuhkan “*di bawah kepaderian*” maka para saudari ada kewenangan dan arahan. Eliza R. Snow, presiden umum kedua Lembaga Pertolongan, mengajar bahawa Lembaga Pertolongan “tidak dapat wujud tanpa Kepaderian, dari kenyataan bahawa semua kewenangannya dan pengaruhnya berasal dari sumber itu.”³ Elder Dallin H. Oaks dari Kuorum Dua Belas Rasul menerangkan, “Kewenangan yang patut digunakan oleh pegawai dan pengajar dari Lembaga Pertolongan . . . adalah kewenangan yang akan mengalir kepada mereka melalui sambungan pertubuhan itu dengan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dan melalui penahabisan masing-masing mereka di bawah tangan pemimpin imamat oleh siapa mereka dipanggil.”⁴

Untuk ditubuhkan “*menurut pola kepaderian*” memberikan para saudari tanggungjawab yang kudus. Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan, menerangkan: “Kita beroperasi menurut cara kepaderian—maksudnya kita mencari, menerima, dan bertindak menurut wahyu; membuat keputusan sebagai majlis; dan melibatkan diri kita dengan mengambil berat akan individu-individu satu demi satu. Kitalah yang mempunyai tujuan kepaderian untuk menyediakan diri kita untuk berkat-berkat kehidupan kekal dengan membuat dan menepati perjanjian kudus. Oleh kerana itu, seperti saudara-saudara kita yang memegang kepaderian, perkerjaan kita adalah perkerjaan keselamatan, pelayanan, dan menjadi sekumpulan orang yang suci.”⁵

Barbara Thompson, penasihat kedua di dalam umum Lembaga Pertolongan.

Dari Tulisan Suci

1 Korintus 11:11; Ajaran dan Perjanjian 25:3; 121:36–46

Dari Sejarah Kita

Ketika pembinaan Bait Suci Nauvoo, sekumpulan saudari ingin mengatur untuk menyokong usaha pembinaan. Eliza R. Snow

menulis undang-undang kecil untuk kumpulan baru ini. Apabila dia menunjukkannya kepada Nabi Joseph, dia membalas: “Beritahu para saudari bahawa korban mereka diterima Tuhan, dan bahawa Dia ada sesuatu lebih baik untuk mereka. . . . Saya akan mengorganisasikan para wanita di bawah kepaderian dan menurut pola kepaderian.”⁶ Tidak lama setelah itu, Nabi memberitahu Lembaga Pertolongan yang baru ditubuhkan: “Saya sekarang menyerahkan kunci kepadamu dalam nama Tuhan, dan Pertubuhan ini akan berasa girang, dan pengetahuan dan kecerdasan akan mengalir dari masa ini.”⁷ Para saudari diharapkan untuk naik ke tahap kesucian baru dan bersedia untuk tatacara-tatacara kepaderian yang dengan masa yang singkat akan dijalankan di bait suci.

CATATAN-CATATAN

1. Spencer W. Kimball, Lembaga Pertolongan—Janji dan Potensinya,” *Ensign*, Mac 1976, 4.
2. Joseph Smith, dipetik dalam Sara Granger Kimball, “Autobiografi,” *Ahli Wanita* 1 September 1883, 51.
3. Eliza R. Snow, “Lembaga Pertolongan Wanita,” *Surat Khabar Deseret*, 22 April 1868, 81.
4. Dallin H. Oaks, “Lembaga Pertolongan dan Gereja,” *Ensign* Mei 1992, 36.
5. Julie B. Beck, “Lembaga Pertolongan: Suatu Perkerjaan yang Suci,” *Liahona* Nov. 2009, 111.
6. Joseph Smith, dipetik dalam Kimball, “Autobiografi,” 51.
7. *Ajaran Presiden-Presiden Gereja: Joseph Smith* (2007), 451.

Apa Boleh Saya Melakukan?

1. Bagaimana dapat saya membantu para saudari yang saya kunjungi menikmati berkat-berkat kerja Lembaga Pertolongan yang suci?

2. Apa akan saya melakukan bulan ini untuk meningkatkan kemampuan saya untuk menerima wahyu peribadi?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.